



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

SIARAN MEDIA YKN LANCAR TABUNG RAKYAT PALESTIN

PUTRAJAYA, 10 JULAI – “Kerajaan Malaysia komited untuk bantu rakyat Palestin dan menyokong segala usaha yang dilaksanakan pelbagai pihak bagi memastikan kebajikan rakyat Palestin berkaitan isu kemanusiaan seperti keperluan bantuan pendidikan, kebajikan dan sebagainya mendapat perhatian yang sewajarnya.”, ujar YAB Dato’ Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail Timbalan Perdana Menteri Malaysia sewaktu ditemui setelah mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah YKN buat pertama kalinya setelah beliau memegang portfolio Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN.

Menurutnya lagi, wakil United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees (UNRWA) telah menemui beliau dan menyatakan hasrat bagi mendapatkan bantuan pihak Kerajaan Malaysia untuk mengutip derma bagi membantu rakyat Palestin. Hasrat tersebut telah beliau maklumkan kepada YAB Perdana Menteri yang pada dasarnya bersetuju supaya Kerajaan mengambil inisiatif mengumpul dana untuk membantu rakyat Palestin.

Sehubungan itu, YKN sebagai sebuah tabung amanah kebajikan yang ditubuhkan Kerajaan akan mengambil tanggungjawab untuk mentadbir dan mengurus dana Tabung Derma Palestin. Perkara ini telah diperhalusi Lembaga Pemegang Amanah YKN yang bermesyuarat hari ini. Orang ramai adalah diseru untuk menyalurkan sumbangan mereka kepada akaun **YKN-Tabung Rakyat Palestin di akaun Alliance Islamic Bank (No.Akaun): 160140010011300**. Maklumat lanjut berkaitan tabung derma ini boleh diperolehi dengan menghubungi Sekretariat YKN-Tabung Rakyat Palestin di talian 03-8323 2451.

Terdahulu, selepas Lembaga Pemegang Amanah YKN bersidang YAB Timbalan Perdana Menteri menyaksikan penyampaian sumbangan tajaan sejumlah RM287 ribu daripada pihak Alliance Islamic Bank Berhad dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) kepada YKN untuk membantu kumpulan sasar YKN yang menjalani rawatan dialisis di YKN Dialisis.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA, PUTRAJAYA